

Newspaper	Berita Harian
Date	9/11/2012

BH-9/11/12

Kecewa Nurul Izzah tukar kenyataan

» Peguam kesal Naib Presiden PKR beralih

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bharian.com.my

▸ Kuala Lumpur

Peguam yang bertanya soal kebebasan beragama kepada Nurul Izzah Anwar Sabtu lalu, kecewa kerana Naib Presiden PKR itu menukar kenyataannya.

Ahli Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam, Siti Kasim, berkata Nurul Izzah sepatutnya berpegang teguh kepada kenyataannya bahawa kebebasan beragama hak semua kaum termasuk orang Melayu serta Muslim.

Katanya, Ahli Parlimen Lembah Pantai itu sewajarnya tidak memutar belit apa yang

diungkapnya pada 'Forum Negara Islam: Versi Mana, Siapa Bertanggungjawab?' yang berlangsung di Subang Jaya.

"Walaupun tidak mengeluarkan kenyataan yang menyokong kepada umat Islam murtad, namun apa diperkatakan itu jelas menyokong kebebasan beragama untuk orang Melayu.

Tak sokong murtad

"Beberapa hari selepas itu beliau menarik balik dan berkata tidak menyokong murtad, tetapi secara tidak langsung bila anda bercakap soal kebebasan beragama dan jika orang Melayu mahu keluar Islam itu adalah murtad.

"Saya yakin Nurul Izzah hanya mahu menarik perhatian rakyat, dia tidak fikirkan akibatnya," katanya yang dipetik dari portal *Malaysia Today* di sini, semalam.

Katanya, adalah penting untuk pemimpin politik ber-

pegang teguh kepada kenyataan yang dikeluarkan dan tidak memutar belitkan perkara itu.

Nurul Izzah ketika forum berkenaan berkata: "Apabila anda bertanya saya, tiada paksaan dalam beragama... mengapa sesetengah pihak rasa bersalah, perkara ini (kebebasan beragama) hanya terpakai kepada orang bukan Melayu, sepatutnya diguna pakai secara sama rata."



“
Walaupun tidak mengeluarkan kenyataan yang menyokong kepada umat Islam murtad, namun apa diperkatakan itu jelas menyokong kebebasan beragama untuk orang Melayu”

Siti Kasim,
Ahli Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam

dengan pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) hari ini untuk membuat aduan kerana mendakwa kenyataannya diputar belit.

"Saya akan mengemukakan aduan terhadap laporan 'serang' dan fitnah saya itu," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Ambil tindakan disiplin

Sementara itu, Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil menggesa Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengemukakan permohonan maaf serta mengambil tindakan disiplin terhadap Nurul Izzah.

Shahrizat berkata, kenyataan Nurul Izzah itu menimbulkan kekeliruan serta kecalaruan di kalangan masyarakat Melayu di negara ini dan ternyata ia mendapat tentangan hebat pelbagai pihak termasuk pemimpin PAS.

"Sikap ambil mudah dalam memberikan kenyataan yang dilakukan Nurul Izzah seharusnya dikenakan tindakan disiplin yang tegas oleh kepimpinan tertinggi PKR bagi membuktikan ketelusan Wan Azizah dalam memimpin PKR dan bukan hanya sekadar memimpin sebuah parti keluar-ga," katanya.

Sementara itu, Nurul Izzah akan mengadakan pertemuan